

# LJMS LABUAN E-JOURNAL OF MUAMALAT AND SOCIETY

## KERANGKA MODEL ASNAFPRENUER MELALUI DANA ZAKAT DALAM BENTUK PEMBIAYAAN MIKRO DI INSTITUSI ZAKAT KORPORAT

MOHD FAISOL IBRAHIM<sup>a\*</sup> & MOHD NASIR ALI<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

<sup>b</sup>Universiti Islam Selangor, Malaysia

Received 13 August 2024: Revised 21 August 2024: Accepted 11 September 2024

### ABSTRACT

The corporatisation of *zakat* institutions in Malaysia has caused a change in the *zakat* management system. This change can be seen through the method of *zakat* collection, the total amount of *zakat* collection and the method of *zakat* distribution to the asnaf itself. To help the poor groups and get out of poverty group, *zakat* institutions that have been corporatized step forward by introducing micro-credit *zakat* distribution to the asnaf group. This is the innovation of the distribution in the age of Fintech (financial technology) to ensure that *zakat* distribution is always relevant to the development of the times. This study examines the implementation of microcredit financing by *zakat* institutions that have been corporatized to *asnaf* entrepreneurs involving the Lembaga Zakat Selangor (LZS) and Baitulmal of the Federal Territory Islamic Religious Council (MAIWP). The results of the study show that there is a difference in the allocation of *zakat* distribution through microcredit financing to eligible *asnaf*. In addition, this study also suggests the development of a microcredit financing model for this *asnaf*. This study uses field and library research. The innovation of *zakat* distribution in Malaysia can contribute to improving the small-scale economy in the Muslim community by stimulating a business culture among *asnaf*.

**KEYWORDS:** CORPORATIZATION, ZAKAT DISTRIBUTION, ISLAMIC MICROCREDIT, LZS, BAITULMAL MAIWP

### ABSTRAK

Perkorporatan beberapa institusi zakat di Malaysia telah menyebabkan sistem pengurusan zakat mengalami perubahan. Perubahan ini bukan sahaja dapat dilihat melalui kaedah kutipan dan jumlah kutipan tetapi juga kaedah pengagihan zakat kepada asnaf itu sendiri. Bagi membantu golongan fakir dan miskin keluar daripada kelompok kemiskinan, institusi zakat yang telah dikorporatkan melangkah ke hadapan dengan memperkenalkan pengagihan zakat secara mikro kredit kepada golongan asnaf. Ini merupakan inovasi dalam agihan di zaman Fintech (teknologi kewangan) untuk memastikan pengagihan zakat sentiasa relevan dengan perkembangan zaman. Jesteru itu, kajian ini akan mengkaji pelaksanaan pembiayaan mikro kredit oleh institusi zakat yang telah dikorporatkan kepada usahawan asnaf yang melibatkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan peruntukan agihan zakat melalui pembiayaan mikro kredit kepada asnaf yang layak. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan

\* CORRESPONDING AUTHOR: Mohd Faisal Ibrahim, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia. E-mail: [faisal@usim.edu.my](mailto:faisal@usim.edu.my)

pembangunan model pembiayaan mikro kredit kepada asnaf ini. Kajian ini menggunakan kajian lapangan dan perpustakaan. Inovasi pengagihan zakat di Malaysia mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi berskala kecil dalam masyarakat Islam dengan meransangkan budaya berniaga di kalangan asnaf-asnaf yang berminat.

*KATA KUNCI: PENGKORPORATAN, AGIHAN ZAKAT, PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM, LZS, BAITULMAL MAIWP*

## 1. PENGENALAN

Terdapat pelbagai jenis bentuk agihan zakat kepada asnaf di Malaysia. Di Wilayah Persekutuan sahaja terdapat 29 jenis skim bantuan agihan zakat kepada asnaf dan skim agihan zakat ini pula dipecahkan kepada enam jenis kategori iaitu pembangunan asnaf, tempat tinggal, pendidikan, berdikari dan pembangunan ummah. Di Selangor pula pengagihan zakat dilakukan mengikut kategori lapan asnaf yang merangkumi 56 skim agihan. Tujuan agihan zakat ini dilakukan adalah untuk menolong asnaf-asnaf yang terlibat agar mampu meneruskan kehidupan mereka di samping cuba mengeluarkan asnaf daripada kesusahan dan memenuhi tujuan Maqasid Syariah. Terdapat dalam kalangan asnaf-asnaf yang menerima bantuan zakat dan berusaha memulakan perniagaan secara kecil-kecilan sebagai sumber yang mampu menjana pendapatan mereka di masa hadapan. Mereka ini dipanggil usahawan asnaf. Menurut Mahmood Zuhdi (2003) objektif zakat adalah mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama, menjamin agihan pendapatan yang seimbang, membasmi kemiskinan, menikmati kemakmuran ekonomi secara kolektif dan seterusnya membawa bekalan kehidupan pada hari akhirat kelak. Menurut Rosbi *et al.* (2008) agihan zakat ini yang berbentuk produktif yang bermaksud untuk menjanakan pendapatan secara berterusan.

Aspek agihan zakat merupakan aspek kritikal yang akan menyumbang secara langsung kepada Maqasid Shariah dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) itu sendiri. Ini kerana objektif agihan zakat itu sendiri adalah untuk memelihara Maqasid Syariah agar dapat dicapai seterusnya mampu melahirkan masyarakat sejahtera melalui pembangunan mampan dan lestari. Sebagai institusi kewangan sosial Islam utama, institusi berkaitan zakat perlu bertindak pantas dengan menghulurkan bantuan agihan zakat kepada asnaf yang memerlukan bantuan (Mohd Faisol, 2021b) khususnya mereka yang ingin keluar daripada kepompong kemiskinan melalui bidang keusahawanan dan menjadi usahawan asnaf.

Usahawan asnaf merupakan suatu bidang baharu yang sedang diterokai oleh institusi zakat di Malaysia. Usahawan asnaf ialah mereka yang terdiri daripada salah satu daripada lapan kelompok asnaf yang ingin menceburi perniagaan secara bersungguh-sungguh bagi mengeluarkan diri mereka daripada status penerima zakat. Dengan erti kata lain, usahawan asnaf ialah mereka yang berasal daripada penerima zakat mentransformasi diri mereka menjadi pemberi zakat di masa hadapan.

Ada usahawan asnaf yang berjaya menguruskan perniagaan mereka dengan betul dan berjaya. Namun ada juga usahawan yang tidak berjaya dalam perniagaan yang diceburi kerana beberapa factor seperti tiada ilmu perniagaan, tidak bijak menguruskan kewangan, tidak berminat, cepat putus asa, tiada *Business Model Canvas* (BMC), tiada bantuan modal yang mencukupi, tiada dorongan berterusan, tiada ikon atau model usahawan asnaf yang hebat di media sosial dan beberapa lagi. Oleh itu menurut Mohamad Sabri dan Riki (2016) mencadangkan agar dikelaskan penerimaan bentuk agihan berdasarkan dua kategori mengikut sejauh mana keperluan asnaf iaitu bagi penerima agihan yang mampu berusaha memperbaiki taraf hidup dikategorikan sebagai produktif, manakala bagi yang tidak upaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif.

Pembiayaan mikro merupakan pembiayaan untuk perniagaan kecil-kecilan dan jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah antara RM1,000 hingga RM50,000 bagi membiayai sesuatu perniagaan. Ia diberikan bagi tujuan modal pusingan dan pembelian aset untuk perniagaan bukanlah sebagai pembiayaan peribadi.

Jesteru itu, usaha-usaha telah dilakukan oleh institusi zakat khususnya institusi zakat yang telah dikorporatkan seperti LZS dan Baitulmal MAIWP supaya bantuan agihan zakat ini mampu memberi sinar harapan yang sentiasa wujud kepada usahawan asnaf yang serius untuk keluar daripada status golongan penerima zakat sebaliknya ingin menjadi usahawan berjaya supaya mampu menjadi pembayar zakat di masa hadapan.

Selain itu, dengan kewujudan internet telah menjadikan aktiviti pengurusan perniagaan termasuk pengurusan zakat di Malaysia semakin rancak. Kebanyakan organisasi yang terdiri daripada syarikat korporat, kecil dan sederhana mahupun institusi zakat itu sendiri telah melalui proses ledakan teknologi maklumat yang akhirnya telah mempengaruhi pengurusan organisasi mereka (Mohd Faisol, 2014).

## 2. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Golongan asnaf zakat terdiri lapan golongan yang wajib mendapat bantuan zakat seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an iaitu fakir, miskin, 'amil zakat, orang yang cenderung kepada Islam, hamba, orang yang berhutang, orang yang berjihad fisabillah dan ibn sabil (Mohd Faisol, 2021a). Terdapat di kalangan asnaf ini yang berusaha upaya keluar dari kelompok penerima zakat melalui kaedah menceburkan diri dengan menjadi usahawan asnaf. Menurut Ahmad (1976), usahawan dapat dibahagikan kepada dua golongan iaitu usahawan operan dan usahawan responden. Usahawan Operan merupakan usahawan yang dilahirkan melalui dorongan, kemahuan dan kesanggupan untuk menceburi diri dalam sesuatu bidang perniagaan atau perusahaan. Manakala, usahawan responden adalah usahawan yang dilahirkan melalui latihan atau rancangan keusahawanan melalui modal dan ilmu pengurusan. Usahawan Islam pula ditakrifkan sebagai seseorang yang berusaha untuk mencapai keperluan diri dan keluarganya di samping turut berperanan untuk merealisasikan kesejahteraan masyarakat dan dengan usaha ini beliau dapat menafkahkan hartanya ke jalan Allah SWT serta meninggikan agamanya (Yusuf, 2001).

Menurut Mohd Abd Wahab dan Adibah (2008) usahawan asnaf merupakan golongan asnaf dibentuk untuk menjadi seorang usahawan. Golongan ini akan diberi bantuan dan perhatian sepenuhnya oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tersebut sehingga mampu mengubah taraf hidup asnaf (Maheran & Norhayati, 2019). Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di bawah selian Baitulmal MAIWP merupakan salah satu institusi zakat yang menyediakan bantuan modal perniagaan. Baitulmal memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan proses agihan kepada asnaf yang layak berdasarkan kepada jumlah kutipan zakat oleh pihak Pusat Pungutan Zakat (PPZ).

Sehubungan dengan itu, institusi zakat cuba mengtransformasikan golongan asnaf yang produktif supaya menjadi usahawan asnaf dengan memperkenalkan bantuan modal. Menurut Dayang Shobihah *et al.* (2020), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan merupakan institusi zakat pertama yang memperkenalkan bantuan modal ini di Malaysia iaitu pada tahun 2004 diikuti oleh institusi zakat lain seperti di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Terengganu serta yang terkini adalah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK, 2022).

Menurut Farah dan Foyasal (2019), Qard al-Hasan terdiri daripada dua perkataan iaitu Qard iaitu membawa maksud hutang dan al-Hasan iaitu membawa maksud yang baik. Jadi Qard al-Hasan ini merupakan satu kontrak pemberian hutang yang baik. Jesteru itu Mustafa al-Zarqa (1987) dan Yusuf (1984) menyatakan agihan zakat melalui mikro kredit dalam bentuk akad *qard al-hassan* adalah dibenarkan. Pandangan tersebut disokong oleh kajian Habib Ahmad (2004) yang menyatakan skim pembiayaan mikro secara *qardul hasan* telah berjaya membantu golongan petani-petani dan peniaga kecil di Iran. Maka Qard al-Hasan dianggap instrumen yang paling sesuai untuk digunakan bagi pembiayaan mikro kredit (Farah & Foyasal, 2019). Di samping itu, Qard al-Hasan dan Murabahah dianggap kontrak yang boleh digunakan untuk pembiayaan bagi golongan yang mempunyai lebihan wang kepada golongan yang memerlukan modal (Abdulmajeed & Muhammad Shahrul, 2020).

Kajian Nurul Ilyana (2015) pula mendapati beberapa sektor berpotensi dalam pembiayaan ini di Malaysia seperti perniagaan, pertanian, agro, industri, perlautan, pembuatan, kemahiran dan pelajaran. Walaupun begitu, kebanyakan pembiayaan perniagaan tanpa bayaran semula seringkali berlaku kegagalan berbanding pembiayaan mikro (Rosbi Ab.Rahman *et al.*, 2008). Kajian oleh Noor Syafinas (2014) mendapati 23% asnaf yang menyertai program Bantuan Jaya Diri di bawah pemantauan Lembaga Zakat Negeri Kedah berjaya keluar daripada kelompok kemiskinan. Ini menunjukkan kejayaan yang dicapai oleh asnaf usahawan tidak mencapai suku peratus. Jesteru itu menurut Muhammad Ali (2003), asnaf yang ingin maju dan tidak terus ketinggalan tidak dapat lari daripada kewajipan memperbaharui sikap, minda dan jiwa raga serta menanam semangat keusahawanan.

### 3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan jenis kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat keperustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, akhbar, jurnal, majalah asnaf, majalah dewan ekonomi, laporan tahunan institusi zakat negeri dan juga laman sesawang setiap institusi zakat negeri (LZKN, 2024). Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kutipan dan bayaran zakat di Malaysia. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual ringkas yang dilakukan melalui telefon terhadap wakil daripada institusi zakat negeri tertentu. Kajian ini hanya memfokuskan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal MAIWP.


### 4. HASIL DAN PERBINCANGAN

#### *Model Usahawan Asnaf*

Gambar rajah 1 di bawah menunjukkan model usahawan asnaf zakat di Malaysia. Terdapat lapan asnaf yang telah disebut di dalam al-Quran layak menerima zakat. Terdapat lima kelompok atau golongan asnaf yang sesuai untuk memohon bantuan zakat bagi menjadi usahawan asnaf iaitu fakir, miskin, muafak, *riqab* dan *gharimin*. Golongan ini dibahagikan kepada dua jenis usahawan. Pertama ialah usahawan Operan yang merupakan peniaga yang mendapat dorongan untuk menceburi sesuatu bidang. Manakala yang kedua ialah usahawan responden adalah peniaga yang menceburi bidang itu berdasarkan minat dan kemahuan serta sanggup menerima risiko.

Asnaf fakir, miskin dan muafak dikategorikan sebagai usahawan responden kerana kesungguhan golongan ini untuk keluar daripada golongan penerima zakat dengan kemahuan yang tinggi serta sanggup menanggung risiko di atas sesuatu bidang perniagaan yang bakal diceburi di samping minat terhadap bisnes. Asnaf *riqab* dan asnaf *gharimin* pula dianggap sebagai usahawan operan kerana mereka ini merupakan golongan yang mendapat sokongan dorongan untuk menceburi sesuatu bidang perniagaan. Golongan ini juga mempunyai kehidupan yang lebih baik berbanding golongan fakir, miskin dan muafak. Mereka ini juga mungkin mempunyai pengalaman dalam perniagaan sebelum ini.

Terdapat enam bidang yang boleh diusahakan oleh usahawan asnaf berdasarkan bantuan zakat yang diberikan iaitu perniagaan, pertanian, perternakan, perikanan, pemakanan dan peruncitan. Bagi permohonan menjadi usahawan asnaf yang berjaya, mereka akan diberikan bantuan sama ada bantuan modal pusingan, bantuan latihan dan bengkel atau bantuan kelompok. Bantuan yang diberikan ini akan pantau oleh institusi zakat supaya mereka tidak tercicir dan fokus kepada bidang yang diceburi. Ada usahawan apabila bantuan diberikan kepada bidang yang diceburi akhirnya mereka berjaya berhijrah daripada menjadi pemberi zakat kepada pembayar zakat dalam suatu tempoh tertentu. Namun ada juga usahawan asnaf yang masih belum lagi menemui kejayaan dan bantuan terpaksa diberikan lagi sehingga suatu tempoh tertentu.



**GAMBAR RAJAH 1. MODEL PEMBANGUNAN USAHAWAN ASNAF ZAKAT DI MALAYSIA**

Sumber: Para Penulis

*Instrumen Syariah*

Di dalam kerangka model asnafentrepreneur ini, instrumen wakalah digunakan bagi menyalurkan pembiayaan mikro untuk tujuan bantuan perniagaan kepada asnaf yang berminat. Wakalah ini merupakan dasar pengembalian wang zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) kepada entiti yang telah membayar zakat di Pusat Pungutan Zakat-MAIWP untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Konsep Wakalah ini adalah merujuk kepada situasi di mana satu pihak menamakan pihak lain untuk bertindak sebagai wakil bagi dirinya (Ab. Mumin, 1999). Penggunaan instrumen wakalah dalam pembiayaan mikro ini dilihat sebagai kaedah terbaik dalam memberi sejumlah peruntukan dana zakat untuk asnaf terbabit mengembangkan perniagaan mereka di samping entiti terbabit mampu menjadi pendorong ke arah membantu MAIN mengeluarkan asnaf daripada kelompok kemiskinan di Malaysia.

*Syarat Kelayakan Usahawan Asnaf di Malaysia*

Terdapat lapan asnaf yang disebut di dalam al-Quran layak menerima bantuan zakat dengan syarat-syarat tertentu. Namun tidak semua golongan asnaf yang layak untuk menjadi usahawan asnaf kerana terdapat syarat atau kriteria yang telah ditetapkan oleh intitusi zakat di Malaysia. Terdapat hanya lima golongan asnaf yang sesuai dan layak memohon dana zakat bagi menjadi usahawan asnaf iaitu fakir, miskin, mualaf, riqab dan gharimin. Walaupun begitu terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang asnaf itu mendapat bantuan asnaf zakat. Sebagai contoh di Selangor, Lembaga Zakat Selangor menetapkan bahawa hanya asnaf fakir dan miskin serta mualaf sahaja yang layak

memohon untuk menjadi usahawan asnaf. Bagi asnaf baru pemohon mestilah di bawah usia 60 tahun manakala yang ingin mengembangkan perniagaan mestilah tidak lebih 65 tahun. Pemohon ini mestilah komited untuk berniaga dengan meneruskan perniagaan sedia ada atau baru memulakan perniagaan baru. Syarat yang paling penting bisnes yang hendak dijalankan ini mestilah tidak melanggar mana-mana undang dan syariat Islam. Selain itu pemohon usahawan asnaf juga dihantar bagi mengikuti kursus pra bantuan modal bagi memberi maklumat tentang teknik dan kaedah perbelanjaan yang sesuai bagi sesuatu bajet yang diberikan oleh institusi zakat negeri.

#### *Sektor yang boleh Diceburi*

Di Malaysia terdapat banyak sektor yang menyediakan ruang dan peluang untuk memulakan perniagaan tetapi tidak semua sektor sesuai untuk diceburi oleh usahawan asnaf. Oleh itu, di Malaysia, institusi zakat hanya memperuntukkan sektor-sektor tertentu sahaja bagi usahawan asnaf menceburi sesuatu perniagaan. Ini disebabkan pihak institusi zakat telah mengambil kira faktor modal pusingan, faktor keupayaan diri usahawan asnaf, faktor persaingan, faktor margin keuntungan, faktor risiko kegagalan dan kejayaan, faktor harga barangan dan faktor pengalaman asnaf bekerja dan juga faktor keadaan ekonomi yang sentiasa berubah. Jesteru itu sektor-sektor yang dibenarkan oleh institusi zakat kepada usahawan asnaf menceburkan diri sebagai usahawan amat terbatas. Sebagai contoh LZS dan Baitulmal MAIWP hanya membenarkan usahawan asnaf menceburkan diri dalam sektor perniagaan, pertanian, penternakan, peruncitan, perikanan dan pemakanan sahaja.

#### *Jenis Sokongan Bantuan*

Institusi zakat negeri khususnya institusi zakat negeri yang dikorporatkan seperti LZS, LZNK dan juga PPZ MAIWP melalui Baitulmal telah mengklasifikasi bahawa terdapat beberapa jenis bantuan sokongan bantuan yang sesuai diperuntukkan untuk golongan usahawan asnaf. Sebagai contoh LZS memberikan beberapa jenis bantuan sokongan yang meliputi suntikan modal, latihan dan bengkel dan projek usahawan berkelompok. Selain itu Baitulmal MAIWP pula memperuntukkan jenis sokongan bantuan yang berupa suntikan modal, peralatan dan wang tunai. Jenis bantuan sokongan bantuan yang diberikan kepada golongan asnaf akan dipantau secara berkala agar bantuan sokongan yang diberikan kepada usahawan asnaf dapat dioptimumkan dan dijayakan. Ini juga dapat mengelak isu ketirisan dan pembaziran dalam menguruskan sesebuah perniagaan yang diceburi oleh usahawan asnaf. Bagi memastikan bantuan sokongan ini dapat dimanfaatkan oleh usahawan asnaf, institusi zakat telah mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan hubungan dengan institusi luar bagi memberi nilai tambah kepada usahawan asnaf. Ini dapat dilihat apabila pihak LZS menjalinkan kerjasama dengan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan INSPEN agar usahawan asnaf dapat merealisasikan impian mereka untuk menjadi pembayar zakat suatu hari nanti. Begitu juga pihak LZNK menyediakan latihan dan bimbingan keusahawan, program-program berbentuk perniagaan dan kaedah dan selok-belok perniagaan dan pengiklanan serta kursus perekodan mikro kewangan.

#### *Nilai Bantuan Peruntukan*

Peruntukan bantuan kepada usahawan asnaf adalah bergantung kepada jenis dan saiz perniagaan yang ingin diceburi. Ada usahawan asnaf yang mendapat peruntukan dengan jumlah yang kecil sahaja dan ada juga yang mendapat peruntukan yang besar. Walaupun peruntukan ini berbeza namun objektif bantuan ini adalah sama iaitu membantu asnaf usahawan berjaya dalam perniagaan yang diceburi seterusnya mampu menjadi pembayar zakat pada suatu hari nanti. Peruntukan yang diberikan kepada usahawan asnaf ada yang bersifat percuma dan ada yang memerlukan komitmen bayaran semula. Sebagai contoh peruntukan yang disediakan oleh LZS berjumlah antara RM1000 hingga RM5000 tidak memerlukan bayaran balik tetapi peruntukan bermula RM5000 hingga RM50 ribu memerlukan bayaran balik. Peruntukan bantuan yang berjumlah RM1000 hingga RM20 ribu yang disediakan oleh Baitulmal MAIWP pula memerlukan usahawan asnaf membayar semula. Terdapat juga bantuan tambahan disediakan sehingga mencecah RM30 ribu. Menurut Abdul Samad dan Mohd Faisol (2015), sumber kewangan yang mencukupi merupakan salah satu strategi perniagaan runcit Muslim berjaya di Malaysia.

*Menyediakan Dokumentasi Penting*

Dokumentasi penting ini merupakan dokumen-dokumen yang menunjukkan bahawa seseorang asnaf itu mempunyai minat, azam dan keupayaan untuk memulakan sesuatu perniagaan. Melalui dokumen-dokumen ini intitusi zakat dapat menjadikan parameter untuk seseorang asnaf mampu menjadi usahawan asnaf atau sebaliknya. Sebagai contoh, seseorang asnaf yang ingin menjadi usahawan asnaf perlu menyediakan salinan sijil kursus pra kelulusan bantuan modal oleh LZS, pelan rancangan perniagaan, sebut harga barangan atau anggaran, lesen perniagaan jika ada dan juga penyata kewangan perniagaan jika ada.

**5. KESIMPULAN**

Kesimpulan kajian mendapati usahawan asnaf itu sendiri sebenarnya merupakan suatu produk yang perlu diberi penekanan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia dan ianya tidak tertakluk kepada institusi zakat yang dikorporatkan sahaja. Ini kerana kejayaan melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan asnaf akan membantu golongan tersebut berdikari sehingga suatu masa tertentu mereka tidak lagi menjadi penerima zakat sebaliknya mereka menjadi penyumbang kepada zakat. Ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan jumlah kutipan zakat itu sendiri. Selain itu, terdapat beberapa bidang yang boleh diceburi oleh usahawan asnaf yang meliputi enam bidang utama ini dan mereka akan dibantu oleh institusi zakat dalam beberapa aspek bagi menjadikan usahawan asnaf berjaya. Ini akan memberi impak yang positif kepada institusi zakat kerana peruntukan yang sepatutnya diberikan kepada usahawan asnaf yang berjaya dapat dipindahkan dan diberikan pula kepada golongan asnaf yang lain yang baharu menceburi bidang usahawan.

Selain itu kejayaan melahirkan ramai usahawan asnaf akan memberi keyakinan kepada asnaf yang lain bahawa mereka mempunyai peluang dan ruang yang luas untuk keluar daripada kelompok asnaf jika mereka betul-betul beriltizam untuk menjadi usahawan asnaf. Namun terdapat limitasi sektor yang boleh diceburi oleh usahawan asnaf zakat. Walaupun peruntukan yang diberikan oleh institusi zakat mungkin tidak mencukupi atau tidak besar, terdapat agensi-agensi lain yang boleh digunakan dalam pembiayaan mikro kredit Islam ini iaitu seperti TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Jesteru itu pembiayaan mikro kredit secara syariah perlu diwar-warkan supaya golongan asnaf yang berminat boleh dibantu dan diperkasakan. Di samping itu juga bakal usahawan asnaf juga perlu diberi pendedahan asas perniagaan dan pengurusan kewangan serta *Business Model Canvas* agar segala idea dapat direalisasikan secara terurus.

**RUJUKAN**

- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaanya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM
- Abdulmajeed M.R. Aderemi & Muhammad Shahrul Ifwat Ishak (2020). Adopting *qard al-hasan* and *mudarah* crowdfunding for micro enterprise. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 3(2), 26-38.
- Ahmad Berek (1976). *Melahirkan Usahawan Bumiputera Merdeka: Pulihkan Semangat Usahawan*. Selangor: Pusat Daya Pengeluaran Negara.
- Dayang Shobihah Abang Abai, Mohd Daud Awang, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Arfah Ab. Majid & Hadi Hamli (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: kajian empirical. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 93 – 99.
- Farah Muneer & Foyasal Khan (2019). *Qard-al-hassan* as a tool for poverty alleviation: a case study of the Fael Khair Waqf Program in Bangladesh. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 5(4), 829-848.
- Habib Ahmad (2004). *Role of Zakah and Awqaf in Poverty Alleviation*. Jeddah; Islamic Research and Training Institute, IDB.
- LZNK. (2024). *Laman Sesawang*. (diambil dari <https://www.zakatkedah.com.my/senarai-usahawan-asnaf/> pada 27 Januari 2023).

- Maheran Zakaria & Norhayati Samba Mohamad. (2019). Effectiveness of *zakah* in fulfilling daruriyat/basic needs and elevating the zakah recipients standard of living to *hajiyat*/comfortable life in the perspective of *maqasid al-syariah*. *Jurnal Pengurusan*, 56, 145-154.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman (2016). Pengagihan zakat dalam konteks kesejahteraan masyarakat Islam: satu tinjauan berasaskan *maqasid al-syari'ah*. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 10, 129–140.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi & Adibah Hasanah Abd Halim (2008). Mobilisasi *zakat* dalam pewujudan usahawan *asnaf*: satu tinjauan. *Jurnal Syariah*, 16, 567-584.
- Mohd Faisol Ibrahim (2014). Sistem pengurusan zakat di Malaysia: analisis strategi penyebaran maklumat menerusi laman sesawang. *Jurnal Pengurusan*, 42, 119-130.
- Mohd Faisol Ibrahim (2015). *Amalan Keusahawanan Islam: Konsep dan Isu Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: PPZ MAIWP, ILIM dan USIM.
- Mohd Faisol Ibrahim (2021a). Analisis perbandingan pembayaran zakat menggunakan teknologi kewangan (*Fintech*) Oleh LZNK dan MAIK, *Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference (i-KEIZAC 2021)*.
- Mohd Faisol Ibrahim (2021b). Kesan penggunaan teknologi kewangan (*Fintech*) terhadap kutipan zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri: analisis perbandingan. *International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2021)*.
- Muhammad Ali Haji Hashim (2003). *Bisnes Satu Cabang Jihad*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mustafa al-Zarqa'. 1987. *Majallah Majma' Al-Fiqh Al-Islami*. Jeddah: Majma' Al-Fiqh Al-Islami.
- Noor Syafinas Muda. (2014). *Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir dan Miskin: Kajian Kes Bantuan Jayadiri*, Jabatan Zakat Negeri Kedah: Universiti Sains Malaysia, Tesis.
- Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat di Baitul Mal Aceh dan Potensi Pelaksanaanya di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia, Tesis.
- Rosbi Abd. Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2008). *Perlaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan*. Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia
- Yusuf al-Qaradhawi (1984). *Athar al-Zakat fi Afrad wa al-Mujtama'*, Majallat Majma' Al-Fiqh Al-Islami.
- Yusuf al-Qaradhawi (2001). *Dawr Al-Qiyam Wa al-akhlaq fi al-Iqtisad al-Islamiy*, Kaherah. Maktabah Wahbah.